

# **BAB. IV**

## BAB. IV

### KESAN TAKWIL TERHADAP PENGAJIAN TAFSIR

#### 4.1. Pengenalan

Di dalam perbincangan sebelum ini, penulis menghuraikan makna takwil dari segi bahasa bermaksud politik (*al-siyasah*). Sebagaimana politik, takwil juga boleh memberi kesan dalam membentuk dan membina pola kehidupan bermasyarakat sama ada kesan negatif atau positif. Pada umumnya perpecahan yang berlaku di muka bumi ini khususnya dan di dalam tubuh umat Islam lahir akibat daripada takwil. Imam Ḥanafī, Imam al-Syafi'i<sup>1</sup> Imam Aḥmad bin Ḥanbal dan lain-lainnya diseksa, disakiti dan dimasukkan ke dalam penjara disebabkan perbezaan takwil. Bahkan, ada di kalangan mereka yang dihukum bunuh seperti al-Ḥallāj akibat berfahaman *hulul* (melebur dengan Tuhan) sewaktu mentakwil ayat-ayat tertentu yang berkaitan dengan ketuhanan. Beliau dibunuh di jembatan Baghdād tahun 309 H/922 M.<sup>1</sup> Begitu juga juga perpecahan dan pertelingkahan yang berlajutan antara golongan Sunni dengan golongan Mu'tazilah<sup>2</sup> atau golongan Sunni dengan Syiah atau lainnya.<sup>3</sup>

Disudut yang lain, takwil juga memberi kesan positif dalam membina kehidupan masyarakat. Bertolak daripada kedua situasi tersebut, pada bahagian ini,

<sup>1</sup> Hartono Ahmad Jaiz (2002), *Aliran Dan Pahaman Sesat Di Indonesia*, c. 1. Jakarta: Pustaka al-Kautsar, h. 191.

<sup>2</sup> Lihat h. 80.

<sup>3</sup> Hartono Ahmad Jaiz (2002), *op. cit.*, h. 191.

penulis cuba membincangkan sejauh mana kesan takwil dalam kehidupan masyarakat Islam ditinjau dari segi negatif dan positif.

#### 4.2. Kesan Negatif

##### 4.2.1. Kerangka Lahirnya Perpecahan Dalam Umat Islam.

Di dalam sejarah perkembangan Islam kita, sering ditemukan dengan berbagai-bagai peristiwa seperti perpecahan, pertelingkahan, permusuhan, kafir-mengkafir bahkan peperangan disebabkan wujudnya perbezaan pentakwilan di dalam memahami teks-teks suci agama. Akibatnya, wujud bermacam-macam mazhab, aliran dan fahaman kepercayaan dalam menjalankan ajaran suci agama Islam.

Sebagai contoh perbezaan di dalam memahami ayat yang berbunyi ﴿وَمَنِيدٌ نَّاصِرٌ إِلَى رَبِّهَا نَاطِرٌ﴾<sup>4</sup>, telah membawa kepada perpecahan umat Islam. Ahli sunnah wal jamaah mendakwa, ayat tersebut menjadi dasar bahawa umat Islam dapat melihat zat Allah s.w.t. di akhirat kelak bahkan Allah s.w.t. juga akan bersalaman, berpelukan dan berpegangan dengan mereka.<sup>5</sup> Manakala golongan Mu'tazilah<sup>6</sup> pula berpendapat, mustahil umat Islam dapat melihat zat Allah s.w.t. di akhirat kelak.<sup>7</sup>

<sup>4</sup> Al-Qur'ān surah al-Qiyāmah (75): 22.

<sup>5</sup> Husayn al-Dhahabi (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 406.

<sup>6</sup> Lihat h. 80.

<sup>7</sup> 'Abd Qāhir bin Tāhir bin Muḥammad al-Baghdādī (t.t.), *al-Farq bayn al-Firāq*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 79.

Perbezaan takwil juga berlaku antara golongan Sunni dan Mu'tazili ketika mentakwilkan ayat berikut. Firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

﴿فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ قَتَلَهُمْ، وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ رَمَى﴾

Terjemahan:

“Maka bukanlah kamu yang membunuh mereka, akan tetapi Allah jualah yang menyebabkan pembunuhan mereka. Dan bukanlah engkau (wahai Muhammad) yang melempar ketika engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar (untuk membinasakan orang-orang kafir).”

Surah al-Anfāl (8): 17.

Golongan Mu'tazilah menolak bahawa bukan Nabi Muhamad yang membunuh orang-orang kafir sewaktu perang Badar, akan tetapi Allahlah yang membunuh mereka kerana Allah s.w.t. tidak menciptakan perbuatan manusia melainkan manusia sendiri yang menciptakan perbuatannya.<sup>8</sup>

Ada juga dikalangan umat Islam mentakwilkan ayat yang berbunyi ﴿إِنَّ اللَّهِ يَعْلَمُ﴾

ditunjukan kepada Nabi Muhamad dan baginda

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 79.

<sup>9</sup> Al-Qur'ān surah al-Qaṣāṣ (28): 85.

akan kembali hidup ke alam dunia. Golongan yang membuat takwilan seperti ini dilabelkan sebagai Syiah Saba'iyah.<sup>10</sup>

Begitu juga, ketika mentakwilkan ayat ﴿مَذَارِبُكَانِ لِلْكُنُسِ وَمُهَدِّيٌ وَمَرْعِظَةٌ لِلْمُثْقَنِ﴾<sup>11</sup> ditujukan kepada Bayān bin Sam'ān al-Tamīmī. Beliau mengatakan, “akulah pemberi penjelasan, akulah pemberi petunjuk dan aku pula pemberi kata-kata nasihat.<sup>12</sup> Dengan takwil tersebut, beliau digelar Syiah al-Bayāniyyah.

Dengan membaca ayat ﴿وَكَتَمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيْمًا﴾<sup>13</sup>, umat Islam percaya bahawa Allah s.w.t. itu dapat berbicara dan berkata. Namun, akibat wujudnya perbezaan dalam memahami ayat tersebut, umat Islam berpecah kepada beberapa aliran seperti al-Hudhayliyyah,<sup>14</sup> al-Naẓāmiyyah,<sup>15</sup> al-Jāhiziyah,<sup>16</sup> al-Wāṣiliyyah,<sup>17</sup> al-

<sup>10</sup> Husayn al-Dhahabi (1995), *op. cit.*, j. 2. h. 15.

<sup>11</sup> Al-Qur'an surah Ali 'Imrān (3): 138.

<sup>12</sup> 'Abd Qāhir (t.t.), *op. cit.*, h. 79.

<sup>13</sup> Al-Qur'an surah al-Nisa' (4): 164.

<sup>14</sup> Mereka adalah cabang daripada Mu'tazilah pengikut Abū al-Hudhayl Muhammad bin al-Hudhayl, dikenali dengan al-'Allāf kerana rumah beliau terletak di perkampungan penjual makanan ternak ('allāfūn) di wilayah Basrah. 'Abd al-Mun'im al-Khifni (1993), *op. cit.*, h. 410.

<sup>15</sup> Lihat h. 100.

<sup>16</sup> Mereka adalah pengikut 'Umar bin Bahr al-Jāhiz, dimana salah satu ajarannya oleh manusia hanya mempunyai kehendak sahaja dan semua perbuatan manusia dikaitkan pada dirinya dengan kata lain perbuatan tersebut telah ada dan di cetak pada dirinya. 'Abd al-Qāhir (t.t.), *op. cit.*, h. 129.

<sup>17</sup> Mereka adalah pengikut Wāsil bin 'Ajjā' al-Ghazzāl pemimpin dan pendakwa utama aliran Mu'tazilah selepas Ma'bad al-Juhni dan Ghaylān al-Damsqī. Di antara ajaran yang dibawakananya adalah seorang mukmin yang melakukan dosa besar atau kecil maka ia telah musyrik kepada Allah s.w.t. Anak yang dilahirkan daripada ibu musyrik maka ia juga musyrik dan boleh dibunuhan sama ada dari ibu yang beragama Islam atau tidak. *Ibid.*, h. 81.

'Amrawiyyah,<sup>18</sup> dan aliran al-Mu'tazilah.<sup>19</sup> Aliran-aliran tersebut menolak makna "kalam" yang bermaksud berbicara yang bersifat azali.

Mereka mengatakan bahawa kalam Allah s.w.t. yang berada di dalam kitab suci al-Qur'ān adalah makhluuk. Perbezaan takwil tersebut, mengakibatkan penderitaan kepada umat Islam yang lain. Contohnya, Imam Ahmad bin Ḥanbal dan Muḥammad bin Nūh, kedua-duanya diseksa oleh khalifah al-Ma'mūn, al-Wathīq dan al-Mu'taṣim kerana keengganannya mengatakan bahawa al-Qur'ān itu makhluuk. Begitu juga, tuduhan Imam al-Ghazālī yang mengkritik kepada Ibn Sinā' dan al-Farābī.<sup>20</sup>

Hal yang sama dalam bidang politik. Wujudnya ketidakpuasan pengadilan antara Alī bin Abī Ṭālib dan Mu'awiyah bin Abī Sufyān ketika perang Siffīn, telah melahirkan golongan Khawārij. Golongan ini berpegang dengan kata-kata, "tidak ada keputusan hukum selain daripada Allah s.w.t".<sup>21</sup>

Daripada gambaran di atas, pentakwilan dijadikan prasarana dan alat untuk melahirkan aliran, fahaman dan kepercayaan baru di dalam kerangka ajaran Islam. Nabi Muḥammad s.a.w. telah mengingatkan bahawa akan berlaku hal tersebut dikalangan umatnya. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah,

---

<sup>18</sup> Mereka adalah pengikut 'Umar bin 'Ubayd bin Bāb, salah satu ajaran 'Umar bin 'Ubayd yang diambil daripada Wāṣil bin 'Aṭṭā' adalah tentang "al-manzil bayn al-manzilatayn". *Ibid.*, h. 83.

<sup>19</sup> Lihat h. 80.

<sup>20</sup> Ibn Rusyd (t.t.), *op. cit.*, h. 36-37.

<sup>21</sup> Al-Syahrusatāni (t.t.), *op. cit.*, h. 115.

baginda bersabda, “agama Yahudi berpecah kepada 71 aliran, agama Nasrani berpecah kepada 72 aliran, sedangkan umatku berpecah kepada 73 aliran.”<sup>22</sup>

Dalam al-Qur’ān, Allah s.w.t. berfirman:

﴿ إِنَّ الظُّنُنَ فَرَقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيَعًا لَسْتَ مِنْهُمْ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَمْرُهُمْ إِلَى اللَّهِ تُمُّ مُسْبِطُهُمْ بِمَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴾

Terjemahan:

“Bahwasanya orang-orang yang mencerai-beraikan agama mereka (dengan perselisihan-perselisihan yang berdasarkan hawa nafsu), dan mereka menjadi berpuak-puak, tiadalah engkau terkait sedikitpun dalam (perbuatan) mereka. Sesungguhnya perkara mereka hanya terserah kepada Allah. Kemudian Ia akan menerangkan kepada mereka (pada hari kiamat kelak), apa yang telah mereka iakukan (dan membalaunya).”

Surah al-An ‘ām (6): 159.

Walaupun di dalam ayat <sup>23</sup> ﴿ إِنَّ الظُّنُنَ فَرَقُوا دِينَهُمْ ﴾ berbentuk lampau, tetapi

maksud ayat tersebut boleh berlaku pada bila-bila masa, sama ada sekarang atau masa yang akan datang.<sup>24</sup> Buktinya, sekarang ini umat Islam dialam Melayu berpecah kepada beberapa aliran baru yang belum wujud di zaman Nabi Muhammad. Di

<sup>22</sup> Abd al-Qāhir (t.t.), *op. cit.*, h. 5.

<sup>23</sup> Al-Qur’ān surah al-An ‘ām (6), ayat 159.

<sup>24</sup> Muhammad Husayn al-Tabā’ī (1971), *al-Mizān fi Tafsīr al-Qur’ān*, c. 2, j. 4. Beirut: Mu’assasah al-‘Ala li al-Maṭbu’at, h. 160.

Malaysia muncul aliran Darul al-Arqam.<sup>25</sup> Di Indonesia lahir gerakan Lembaga Kerasulan,<sup>26</sup> aliran Inkar Sunnah<sup>27</sup> dan aliran Isa Bugis.<sup>28</sup>

Apa yang pasti, aliran-aliran tersebut berusaha mentakwil ayat-ayat al-Qur'an untuk dijadikan dasar pegangannya. Misalnya sahaja aliran Ingkar Sunnah, mereka mentakwilkan ayat ﴿فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الْهَرَقَةَ فَلَيَسْتَعْلَمْ﴾<sup>29</sup> dengan mengatakan, "kewajipan berpuasa pada bulan Ramadhan hanya kepada orang yang melihat bulan saja, sedangkan orang yang tidak melihat bulan tidak wajib berpuasa".<sup>30</sup>

<sup>25</sup> Darul Argam di asaskan oleh Ustaz Ashaari bin Muhammad. Beliau dilahirkan pada tahun 1938 di Kampung Pilin, Rempau. Aliran tersebut mempunyai kaitan erat dengan Tariq Muhammadiyah yang di asaskan oleh Syeikh Muhammad Suhaimi yang berketurunan Indonesia tepatnya di Wonosobo, Jawa Tengah. Ashaari mendapat ijazah tariqat tersebut pada usia 16 tahun sewaktu duduk di Darjah 7 sekolah Melayu. Selepas itu, Ustaz Ashaari meneruskan pelajarannya di Ma'had Hishamuddin, Kelang, Selangor. Sebaik sahaja aktif dalam bidang politik dalam Parti Pas (Parti Islam Se Malaysia), Ustaz Ashaari kemudiannya mendirikan *halaqah* Fardhu Ain di Lorong Kiri 2, Datuk Keramat, Kuala Lumpur dan terus berjalan selama 3 tahun. Selepas itu, barulah ada cadangan daripada Ustaz Zakaria Ansari untuk menamakan *halaqah* tersebut dengan Darul Arqam. Abdul Rahmān Haji Abdullah (1992), *Gerakan Islam Tradisional Di Malaysia Sejarah dan Pemikiran*, c. 1. Kuala Lumpur: Kintan SDN.BHD, h. 68-71.

<sup>26</sup> Gerakan ini di tokohi oleh Aceng Syaifuddin. Aliran ini meyakini bahawa Rasul itu tetap diutus sampai hari kiamat, dosa bisa ditebus dengan wang, menganggap orang di luar mereka adalah kafir, nikah harus dihadapan Imam dan lain-lainnya. *Ibid.*, h. 38.

<sup>27</sup> Fahaman ini lahir pada tahun 1980-an yang diasaskan oleh Marinus Taka seseorang yang berketurunan Indonesia Jerman yang tinggal di Jl. Sambas No. 54. Depok Lama Jawa Barat. Fahaman ini menggelar banyak pengajian di beberapa masjid di Jakarta antaranya Masjid Asy-Syifa di Rumah Sakit Cipto Mangunkusumo, Jakarta, Masjid al-Burhan, Pasar Rumput Jakarta Selatan dan lain-lain. Fahaman ini juga tidak percaya kepada semua hadith Nabi Muhammad s.a.w. dasar hukum hanya kepada al-Qur'an, puasa bulan Ramadhan hanya wajib bagi yang melihat bulan sahaja, pelaksanaan haji dilakukan di dalam empat bulan Muharram sahaja, iaitu Muharram, Rajab, Zulkaedah dan Zulhijjah dan sebagainya. Hartono Ahmad Jaiz (2002), *op. cit.*, h. 25-28.

<sup>28</sup> Aliran ini diasaskan oleh Isa Bugis. Beliau di lahirkan di kota Bhakti Aceh Pidie pada tahun 1926 dan sekarang tinggal di daerah Kayu Manis Jakarta Timur Indonesia. Salah satu idea beliau ialah berusaha mengilmiahkan agama dan kekuasaan Tuhan dan akan menolak semua hal-hal yang tidak boleh diilmiahkan atau tidak boleh diterima oleh akal. Akibatnya banyak sarjana yang tertarik dengan ajaran Isa Bugis sebelum tahun 1990-an. Hampir semua pensyarah Agama Islam IKIP Negeri Rawamangun Jakarta (kini namanya UNJ-Universitas Negeri Jakarta) terdiri dariada pengikut Isa Bugis. *Ibid.*, h.34.

<sup>29</sup> Al-Qur'an surah al-Baqarah (2): 185.

<sup>30</sup> Hartono Ahmad Jaiz (2002), *op. cit.*, h. 26.

Melalui jalan takwil, al-Qur'ān dijadikan prasarana untuk memenuhi kepentingan peribadi setiap kelompok atau golongan. Mereka menyembunyikan kepentingan dan keinginannya berselindung disebalik takwil agar tidak mudah dikesan. Melaluinya juga, agar kewujudan kepentingan itu seakan-akan dibenarkan atau disahkan menurut al-Qur'ān. Inilah keadaan yang amat ditakuti oleh khalifah 'Umar bin al-Khaṭṭāb. Beliau menyebut:

﴿ إِنَّمَا أَحَادِيفُ عَلَيْكُمْ رَجُلٌ يَسْأَوِلُ الْقُرْآنَ عَلَىٰ غَيْرِ تَأْوِيلِهِ  
وَرَجُلٌ يُسَانِفُ الْمُلْكَ أَبْيَهُ ﴾

Maksudnya:

"Sesungguhnya ada dua jenis lelaki yang aku takuti daripada kamu. Pertama, lelaki yang mentakwilkan al-Qur'ān bukan pada tempatnya, kedua, lelaki yang bersaing kekuasaan dengan saudaranya".<sup>31</sup>

Dalam hal ini Ibn Mas'ūd pernah mengungkapkan:

﴿ سَتَجِدُونَ أَقْوَامًا يَدْعُوكُمْ إِلَىٰ كِتَابِ اللَّهِ، وَقَدْ تَبَذَّلُهُ وَرَأَ ظُهُورِهِمْ  
فَعَلَيْكُم بِالْعِلْمِ، وَإِيمَانُكُمْ وَالثِّبَّادُعُ، وَإِيمَانُكُمْ وَالشَّطَّاعُ، وَعَلَيْكُم بِالْغَيْقِ ﴾

Maksudnya:

"Kamu akan menemukan kaum yang mengajak kamu mengikut ajaran al-Qur'ān, namun sesungguhnya mereka membuang al-Qur'ān itu

<sup>31</sup> Al-Syāfi'i (t.t), op. cit., j. 4, h. 316

*dibelakang punggungnya. Oleh kerana, itu lengkapilah diri kamu dengan ilmu, jauhilah sikab bidaah, memfasih-fasihkan bicara dan jadilah kamu orang yang mulia".<sup>32</sup>*

Dalam masa yang sama, setiap golongan merasa benar dengan apa yang telah mereka lakukan. Mereka sedikitpun tidak ada rasa bersalah serta mengakui kesalahannya. Mereka berpuas hati, bahagia dan bangga terhadap takwil-takwil yang dilakukannya. Akhirnya, umat Islam menjadi berpuak-puak. Setiap puak bergembira dengan apa yang ada padanya (dari fahaman dan amalan yang terpesong itu).<sup>33</sup>

#### **4.2.2. Munculnya Pentakwilan Mengikut Golongan Atau Ras**

Perpecahan yang berlaku dikalangan umat Islam berpunca daripada pentakwilan yang memihak kepada aliran, ras atau golongan tertentu. Apa yang dikatakan oleh Ibn Rusyd pada perbincangan sebelumnya, menggambarkan keadaan sebenar yang dialami oleh umat Islam sepanjang sejarah.

Misalnya golongan Mu'tazilah,<sup>34</sup> mereka mengakui adanya janji Allah s.w.t.

(*al-wa'ad*) dan ancaman (*al-wa'iid*). Dengan dasar tersebut, mereka berpendapat bahawa Allah s.w.t akan memberikan balasan kebaikan kepada orang yang berbuat baik dan orang yang berbuat jahat. Allah s.w.t juga tidak akan memberi maaf dan

---

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Al-Qur'an surah al-Rûm ( 30): 32.

<sup>34</sup> Lihat h. 80.

syafaat kepada pelaku dosa besar sebelum ianya bertaubat dan ianya akan kekal di dalam neraka, tidak hairan apabila aliran tersebut mentakwilkan ayat:

﴿ بَلِّيْ مَنْ كَسَبَ سَيِّئَةً وَأَحَاطَتْ بِهِ عَطَّافَةٌ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ، هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴾

Terjemahan:

“(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar), sesungguhnya sesiapa yang berbuat kejahatan dan ia diliputi (ditenggelamkan) oleh kesalahannya itu, maka mereka lah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Surah al-Baqarah (2): 81.

memihak kepada golongannya. Mereka berkata, orang Islam yang melakukan dosa, akan kekal di dalam neraka meskipun ia mengakui kebenaran atas keesaan Allah s.w.t dan beriman kepada rasul-rasulNya.<sup>35</sup>

Pendapat Mu‘tazilah<sup>36</sup> tersebut disokong oleh golongan Khawārij. Mereka berpendapat, dihukum kafir bagi orang-orang yang melakukan dosa besar dan mereka akan kekal di dalam neraka<sup>37</sup> berdasar kepada takwil ayat berikut:

<sup>35</sup> Husayn al-Dhahabi (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 378.

<sup>36</sup> Lihat h. 80.

<sup>37</sup> Husayn al-Dhahabi (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 330.

﴿فَإِنَّرُتُكُمْ نَارًا تَلْطِي، لَا يَصِلَّهَا إِلَّا الْأَشْقَى، الَّذِي كَذَّبَ وَتَوَوَّى﴾

Terjemahan:

“Maka (serentak dengan memberi hidayah petunjuk) Aku juga telah memberi amaran mengingatkan kamu akan api neraka yang marak menjulang, Yang tidak akan menderita bakarannya melainkan orang yang sungguh celaka, Yang telah mendustakan (kebenaran) dan berpaling ingkar.”

Surah al-Layl (92): 14-16.

Mereka mengatakan, bahawa orang-orang fasik dimasukkan ke dalam neraka, maka wajarlah baginya dinamakan kafir.<sup>38</sup>

Hal yang sama juga dilakukan oleh aliran al-Karāmiyyah, mereka meyakini bahawa Allah s.w.t itu berbadan, bermula, berakhir dan berbatasan dengan ruang yang mengelilingi ‘arsyNya. Sehingga sewaktu aliran tersebut mentakwilkan ayat ﴿إِذَا السَّمَاءُ انْفَضَّتْ﴾<sup>39</sup> dengan maksud , “langit itu terbelah akibat beban berat Allah s.w.t yang duduk di atasnya”.<sup>40</sup>

Keadaan yang sama juga berlaku sewaktu ulama-ulama Islam mentakwilkan ayat-ayat al-Qur’ān yang berhubung kait dengan ajaran agama Yahudi ataupun agama Nasrani. Pada umumnya, ulama-ulama Islam mentakwil keutamaan orang Yahudi

<sup>38</sup> *Ibid*, h. 331.

<sup>39</sup> Al-Qur’ān surah al-Infījār (82): 1.

<sup>40</sup> ‘Abd al-Qāhir (t.t.), *op. cit.*, h. 164.

pada ayat ﴿وَكُلُّ فَضْلِكُمْ عَلَى الْمُتَّائِمِينَ﴾<sup>41</sup> hanya terbatas kepada zaman itu sahaja,<sup>42</sup> seperti yang dikatakan oleh Imam Sulaymān bin ‘Umar al-‘Uzaylī, pengarang kitab “al-Futūhāt al-Ilahiyyah, Imam al-Ṭabarī, pengarang “Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl ay al-Qur’ān, Imam al-Qurtubī, pengarang “Jāmi‘ Aḥkām al-Qur’ān dan banyak lagi. Demikian juga pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh pengarang kitab takwil-takwil moden yang lahir selepas mereka seperti Wahbah al-Zuhaylī, pengarang “Tafsīr al-Munīr, Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī, pengarang “Tafsīr al-Marāghī dan lain-lainnya.

Dengan pemahaman tersebut, para ulama takwil berusaha menyempitkan makna “keutamaan” yang ada pada ayat tersebut dengan merujuk kepada ayat lain yang maksudnya “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji).<sup>43</sup>

Para ulama takwil secara tidak langsung menolak keutamaan yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada bangsa Yahudi, padahal, di dalam al-Qur’ān sendiri menyebut, mereka adalah anak-anak Allah dan kekasih-kekasihNya.<sup>44</sup> Mereka adalah manusia pilihan Allah meskipun mereka telah melakukan kejelekan dan kerosakan.

<sup>41</sup> Al-Qur’ān surah al-Baqarah (2): 47.

<sup>42</sup> Tafsir Ibn Kathir (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 88.

<sup>43</sup> Al-Qur’ān surah Ali ‘Imrān (3): 110.

<sup>44</sup> Al-Qur’ān surah al-Mā’dah (5): 18.

Baginya, sifat-sifat tersebut akan berkekalan walaupun mereka telah kafir dan telah berbuat maksiat.<sup>45</sup>

Walaubagaimanapun, para ulama bersepakat untuk tidak mengklasifikasikan sebagai takwil tersebut sebagai takwil yang tercela meskipun takwil tersebut memihak kepada umat Islam. Sekiranya orang Yahudi yang membaca takwil tersebut tentu mereka juga akan menolaknya. Keterbukaan atau tidak kecenderungan kepada mana-mana pihak dalam mentakwil teks-teks al-Qur'an terutamanya yang berkaitan dengan suatu aliran diluar aliran kita atau sewaktu mentakwilkan ayat yang berkaitan dengan agama lain, ianya amat sukar dilakukan. Apa yang jelas, wujudnya sifat celamencela dan saling menyalah antara satu sama lain, sehingakan sukar untuk mencari jalan keluar sama ada melalui jalan dialog antara agama atau suatu aliran tertentu. Ini kerana, setiap penganut sesuatu agama meyakini bahawa agamanya adalah satu-satunya agama yang benar dan satu-satunya jalan keselamatan bagi seluruh manusia.<sup>46</sup>



#### **4.2.3. Melahirkan Perselisihan Politik Dan Mazhab**

Takwil terhadap teks-teks al-Qur'an juga amat berpotensi sekali melahirkan perselisihan politik dan mazhab. Ini kerana, teks-teks al-Qur'an sering digunakan sebagai alat untuk menyebarkan fitnah yang ditujukan kepada individu tertentu,

<sup>45</sup> Sa'id Ḥawā (1993), *al-Āsās fī al-Tafsīr*, c. 4, j. 1. Dār al-Salām, h. 145.

<sup>46</sup> Mohammad Arkoun (2001), *Islam Kontemporer Menuju Dialog Antar Agama*, c. 1. Ruslani (terj). Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. xxi.

masyarakat atau bangsa. Berlakunya fitnah tersebut berpunca daripada perselisihan agama, politik, ras, suku atau sikap membanggakan sukunya, kerana mengagungkan seseorang atau juga kerana sikap benci kepada individu tertentu.

Akibat kebencian yang teramat sangat kepada Abū Bakr al-Siddīq dan ‘Umar bin Khaṭṭab, golongan Rafiqah mentakwilkan ayat ﴿تَتَبَّعُونَ أَهْلَكَ وَتَبَّعُونَ﴾<sup>47</sup> ditujukan kepadanya.<sup>48</sup> Menurut mereka, Abū Bakr dan ‘Umar telah merampas khilafah daripada ‘Alī bin Abī Ṭālib selepas Nabi Muḥammad meninggal dunia, padahal Nabi Muḥammad s.a.w. telahpun menulis nama ‘Alī bin Abī Ṭālib sebagai pewaris khalifah selepas baginda wafat.<sup>49</sup>

Aliran tersebut juga menuduh, mereka yang keluar daripada barisan ‘Alī bin Abī Ṭālib sewaktu perang Jamal adalah kafir<sup>50</sup> dan wajib dibunuh termasuklah Talḥah dan Zubayr. Mereka beranggapan firman Allah s.w.t. yang bermaksud “maka perangilah ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin kaum yang kafir itu.”<sup>51</sup> Hukum bunuh juga dikenakan kepada sayyidah ‘Ā’isyah<sup>52</sup> berdasarkan kepada firman Allah

<sup>47</sup> Al-Qur’ān surah al-Masad (111): 1.

<sup>48</sup> Abū Syahbah (1408), *Ibid.*, h. 88.

<sup>49</sup> ‘Abd Mun‘im al-Khifni (1993), *op. cit.*, h. 229.

<sup>50</sup> Abū Syahbah (1408), *op. cit.*, h. 88.

<sup>51</sup> Al-Qur’ān surah al-Taubah (9): 12.

<sup>52</sup> Husayn al-Dhahabi (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 22.

s.w.t. yang bermaksud "Sesungguhnya Allah menyuruh supaya kamu menyembelih seekor lembu betina"<sup>53</sup>

Akibat terlampau taksub kepada 'Alī bin Abī Ṭālib, aliran tersebut mentakwilkan ayat ﴿وَوَرَثَ مُبْكَانَ ذَوَةً﴾<sup>54</sup> ditujukan kepada Alī dan beliau adalah Imam dan pewaris ilmu-ilmu Nabi Muḥammad s.a.w.<sup>55</sup>

Takwil-takwil yang berbau politik dan fitnah seperti di atas, dilakukan oleh aliran-aliran dalam ajaran Islam itu sendiri seperti Rafiḍah atau lainnya, meskipun dengan kadar takwil yang berbeza-beza antara satu sama lain, ada takwil yang banyak ada juga takwil yang sedikit seperti Khawārij.<sup>56</sup>

Melihat kepada gambaran di atas, pada hakikatnya, al-Qur'ān dapat ditakwilkan oleh sesiapa sahaja sama ada untuk kebaikan atau kejahanatan, untuk fitnah, memecah belah umat, untuk tujuan politik atau lainnya. Ini bertepatan dengan sabda Nabi Muḥammad s.a.w. dalam satu ḥadīthnya yang bermaksud "al-Qur'ān itu

<sup>53</sup> Al-Qur'ān surah al-Baqarah (2): 64.

<sup>54</sup> Al-Qur'ān surah al-Naml (27): 16.

<sup>55</sup> Husayn al-Dhahabī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 22.

<sup>56</sup> Ada beberapa sebab sedikitnya takwil yang dilakukan oleh golongan Khawārij. Pertama, pengikut mereka kebanyakannya suku badawi terutamanya suku Bani Tamīm dan sedikit sekali daripada mereka yang tinggal di kota-kota besar seperti Basrah dan Kufah. Dengan sikap kebadawianya itu, mereka pada umumnya hidup menjauhkan diri daripada perubahan dan perkembangan agama, ilmu dan sosial masyarakat. Mereka menjalani ajaran agama Islam secara sederhana tanpa ada campuran daripada ajaran-ajaran agama lain. Kedua, mereka selalu disibukkan dengan peperangan yang berkepanjangan dan berterusan. Ketiga, dari segi akidah, golongan Khawārij sangat berlebih-lebihan. Berbohong misalnya, aliran ini menganggap bahawa berbohong itu sebagai tindak jenayah yang membawa dirinya keluar daripada label orang mu'min. Husayn al-Dhahabī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 343.

*tunduk kepada pembawanya dengan mewujudkan beberapa kemungkinan makna, maka bawalah makna al-Qur'ān itu kepada makna yang baik.*<sup>57</sup>

#### 4.2.4. Media Penyebaran Cerita Isrā'īliyyāt Dalam Ajaran Islam

Sebagai orang Islam, adalah wajib menerima berita atau maklumat tentang keislaman yang sebenar dan sahih melalui sumber-sumber dan rujukan yang paling sahih iaitu al-Qur'ān dan hadith Nabi.

Akan tetapi memahami al-Qur'ān melalui perantaraan hadith-hadith Nabi, banyak sekali disulitkan dengan cerita-cerita *isrā'īliyyāt*,<sup>58</sup> tidak benar, palsu, bohong dan banyak bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar terutamanya yang terkandung di dalam hadith-hadith palsu (*mawdū'*). Namun begitu, ada juga ulama Islam memuatkan hadith-hadith palsu tersebut dengan beberapa alasan yang dapat diterima dan munasabah termasuklah Ibn Jarir al-Tabari.

Natijahnya, di dalam ajaran Islam banyak ditemukan maklumat-maklumat palsu atau tidak benar, misalnya takwil pada perkataan ﴿عَن﴾ yang ditakwilkan dengan

<sup>57</sup> Al-Zarkasyī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 163.

<sup>58</sup> Lihat h. 5.

malaikat yang diperintahkan untuk mengatur awan<sup>59</sup> atau tentang usia dunia hanyalah berumur 7000 tahun.<sup>60</sup>

Sekiranya kita menerima jenis takwil yang pertama kerana ianya tidak ada kaitan dengan prinsip-prinsip dasar agama Islam, tetapi bagaimana dengan takwil yang kedua. Ianya berkait erat dengan dasar akidah Islam termasuk salah satu rukun iman. Persoalan umur dunia itu adalah rahsia Allah s.w.t. dan tidak ada seorangpun yang tahu atau di beritahu sekalipun Nabi dan Malaikat. Allah s.w.t berfirman.

﴿ يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَهَا، قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّهِ، لَا يُحَلِّيهَا لِوْقَتِهَا إِلَّا هُوَ، تَقْلِيلٌ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا تَأْتِي كُمْ إِلَّا بَعْثَةٌ، يَسْأَلُونَكَ كَائِنَكَ حَفِيْظٌ عَنْهَا، قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴾

Terjemahan:

"Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang hari kiamat: "Bilakah masa datangnya?" Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanmu, tidak ada sesiapa pun yang dapat menerangkan kedatangannya pada waktunya melainkan Dia. (Huru-hara) hari kiamat itu amatlah berat (menggerunkan makhluk-makhluk yang ada) di langit dan di bumi; ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mengejut". Mereka bertanya kepadamu seolah-olah engkau sedia mengetahuinya. Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenai hari kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".

Surah al-'Arāf (7): 187.

<sup>59</sup> Tafsir al-Qurtubī (1993), op. cit., j. 1, h. 151.

<sup>60</sup> Abū Syahbah (1408), op. cit., h. 289.

Demikian juga, kisah kemunculan Muḥammad Ibn al-Ḥasan al-‘Askari<sup>61</sup> atau dikenali dengan Imam Mahdi. Menurut cerita, beliau menghilang disebuah tempat yang bernama *Sirdāb*. Daripada tempat tersebut, beliau akan muncul kembali ke muka bumi untuk menegakkan keadilan sejagat. Kepercayaan semacam ini mereka berdasarkan kepada kisah penghuni gua (*Aṣḥāb al-Kahfī*) pada ayat:

﴿أَمْ حَسِبَتْ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمَ كَانُوا مِنْ عَابِرِتَنَا عَجَّابًا، إِذْ أَوْى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبُّنَا عَلَيْنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةٌ وَهُوَ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشِيدًا، فَضَرَبَنَا عَلَى عَادِنِهِمْ فِي الْكَهْفِ سِينَ عَدَدًا﴾

Terjemahan:

"Adakah engkau menyangka (wahai Muḥammad), bahawa kisah "Ashaabul Kahfī" dan "Ar-Raqīm" itu sahaja yang menakjubkan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Kami? (Ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa: "Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisiMu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan ugama kami". Lalu Kami tidurkan mereka dengan nyenyaknya dalam gua itu, bertahun-tahun, yang banyak bilangannya."

Surah al-Kahfī (18): 9-11.

Bukan itu sahaja, kepercayaan kepada Imam Mahdi juga berdasarkan kepada hadith Nabi Muḥammad s.a.w yang terdapat dalam kitab Sunan al-Turmudī dan kitab Sunan Abī Dāwūd. Nabi Muhammads.a.w. bersabda:

<sup>61</sup> Ibn Khaldūn (t.t.), *op. cit.*, h. 140.

﴿ لَا تَنْهَبُ الْدُّنْيَا حَتَّى يَعْلُمُ الْعَرَبَ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ بَيْتِي يُوَاطِئِنِي إِسْمَهُ اسْمِي ﴾

Maksudnya:

“Dunia ini tidak akan kiamat sehingga salah seseorang daripada orang Arab dipimpin seorang laki-laki daripada keluargaku (Nabi Muhammad s.a.w.) yang mana namanya sama dengan namaku.”<sup>62</sup>

Imam al-Turmudī menilai hadith tersebut sebagai *sahih hasan*, tetapi dalam hadith tersebut pada rangkaian perawinya terdapat nama ‘Āsim bin Bahdālah yang menurut ulama hadith dituduh sebagai perawi yang *idṭirāb*.<sup>63</sup> Ibn ‘Aliyah ada mengatakan, “setiap orang yang namanya ‘Āsim itu jelek hafazannya”.<sup>64</sup>

Akan tetapi, keyakinan kepada Imam Mahdi sebagai juru penyelamat dan penegak keadilan sejagat telah mengakar di dalam hati nurani umat Islam secara umum. Bukan sahaja Syiah Imāmiyah,<sup>65</sup> kepercayaan seperti itu juga turut dikongsi oleh Ahli Sunnah wal Jamaah, “kami menyakini kedatangan pembaharu di alam

<sup>62</sup> Al-Turmudī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 343.

<sup>63</sup> Iaitu orang yang meriwayatkan ḥadīth dari beberapa sudut yang berbeza yang berdekatkan. Apabila yang dikuatkan itu salah satu riwayat kerana kekuatan hafazan seorang rawi atau ianya banyak bergaul mengiringi pemberi ḥadīth (*al-marwī ‘anh*) atau lainnya maka hukumnya bukan lagi ḥadīth *muḍtarib*. Walau orang yang *idṭirāb* mewajibkan lemah kepada ḥadīth yang di bawakannya kerana ianya tidak *dabit* (kuat hafazannya). Al-Suyū’i (1993), *op. cit.*, h. 171.

<sup>64</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1326), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, c. 1, j. 5. Beirut: dār Ṣādr, h. 39.

<sup>65</sup> Syiah tersebut dinamakan juga dengan Syiah Ithnā‘asyarah kerana mengakui adanya Imam yang ke dua belas iaitu Imam Mahdi. Mereka adalah segolongan umat Islam yang berpegang kepada kebenaran ‘Alī bin Abī Ṭālib sebagai pewaris khilafah bukannya Abū Bakr al-Ṣiddīq, ‘Umar bin al-Khaṭṭāb dan ‘Uthmān bin ‘Affān. *Al-Mawṣū’ah al-Muyassarah fi al-Adyān wa al-Madhāhib al-Mu‘asirah*. Riyād: WAMY, h. 299.

dunia ini pada akhir zaman. Ia diutus oleh Allah s.w.t. untuk alam dunia yang dinamakan al-Mahdi.<sup>66</sup>

Oleh itu, sekiranya ia dibiarkan, kepercayaan semacam ini dapat merosak ideologi dan dasar akidah umat Islam. Keyakinan seperti itu menyerupai akidah yang dianut oleh Syiah atau agama orang Mongolia dahulu yang mengakui Jengiskan sebagai penyelamat atau juga agama Kristian yang mengakui kemunculan Nabi Isā a.s, sebagai penyelamat. Wal hal, kemunculan Imam Mahdi sebagai penyelamat dan penegak keadilan tidak ada jaminan daripada al-Qur'ān itu sendiri, berbeza dengan kemunculan Nabi Isā a.s.<sup>67</sup>

#### 4.3. Kesan Positif

##### 4.3.1. Melestarikan Keabadian al-Qur'ān

Umat Islam wajib meyakini bahawa al-Qur'ān adalah suatu yang kekal tidak terikat dengan batas-batas waktu dan tempat, dibawakan secara mutawatir dan mengandungi perintah menyeuruh kepada manusia di seluruh alam juga diturunkan untuk memberikan jalan kehidupan yang lurus kepada manusia, disampin itu juga bagi menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh manusia sepanjang zaman.

Dalam pada itu, terdapat beberapa pandangan ulama dalam menghadapi ayat berikut ini.

---

<sup>66</sup> Sa'id Muhammad Hasan (1953), *al-Mahdiyah fi al-Islām*, c. 1. Mesir: Dār al-Kutub al-'Arabi, 174.

<sup>67</sup> Bahkan Allah telah mengangkat Nabi Isa kepadaNya; dan adalah Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Al-Qur'ān surah al-Nisā' (4): 158.

﴿ وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةٍ شَهَدَاتٍ فَاجْلِدُوهُمْ ﴾  
ثمانين جلدات ﴿

Terjemahan:

"Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (*zina*) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat;"

Surah al-Nūr (24): 4.

Ayat di atas secara tegas menjelaskan hukuman bagi orang yang melemparkan tuduhan zina kepada wanita yang baik. Bagi membolehkan hukuman tersebut dilaksanakan, ia hendaklah mendatangkan empat orang saksi serta melihat sendiri perbuatan tersebut umpama bayi menghisap botol susu. Sekiranya kehadiran saksi tersebut kurang daripada empat, maka hukuman sebat tersebut digugurkan. Sebaliknya hukuman sebat tersebut dikenakan kepada dirinya (saksi). Dalam sejarah, 'Umar bin al-Kaṭṭab pernah menyebat 'Abd Allah bin Ḥāris, Muṣṭalḥaq Mu'āwiyah, dan Syabal bin al-Bujaylī kerana Syabal bin al-Bujaylī dan Ziyād menarik diri sewaktu diminta menyampaikan persaksian.<sup>68</sup>

Ulama-ulama dahulu mentakwilkan ﴿ بِأَرْبَعَةٍ شَهَادَاتٍ ﴾ dengan empat orang saksi, jika tidak, hukuman tersebut digugurkan. Walaubagaimanapun, ayat di atas bolehkah di takwil dengan seorang saksi atau satu orang dengan satu handycam atau

<sup>68</sup> Tafsir al-Qurtubī (1993), *op. cit.*, j. 6, h. 19.

foto, atau dua orang dengan satu handycam atau kamera, atau tiga orang dengan handycam atau kamera.

Tentunya, pemahaman ulama terdahulu terhadap ayat di atas berkait rapat dengan suasana kehidupan yang dialami ketika itu. Kemampuan teknologi yang sangat sederhana itu menjadikan mereka dalam memahami ayat tersebut sangat sederhana, dan hanya mengambil kira sumber yang terbatas. Kalau-lah persaksian di atas tidak boleh diganti dengan handycam atau kamera, sudah tentu banyak sekali sekandal-sekandal seks yang berlaku terlepas daripada penghukuman yang seadilnya. Malahan, penolakan tersebut, secara tidak langsung menilai al-Qur'an itu sebagai suatu yang tidak relevan lagi dengan kehidupan sekarang ini. Jika sikap seperti itu terus diamalkan oleh umat Islam, itu akan membawa kemunduruan kepada umat Islam serta dinilai sebagai mengabaikan hukum al-Qur'an kerana banyak menggugurkan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya.

Begitu juga penggunaan teropong ketika melihat anak bulan untuk menentukan bermula dan berakhirnya bulan Ramadhan seperti dalam ayat ﴿فَمَنْ شَهِدَ بِنُكْمِ الْتَّهْرِ﴾

﴿فَالْأَنْصَبَ﴾<sup>69</sup> Orang yang melihatnya hendaklah tanpa ada menggunakan sebarang perantara seperti yang ditegaskan oleh hadith Nabi Muhammad s.a.w.<sup>70</sup> ataupun

---

<sup>69</sup> Lihat h. 186.

<sup>70</sup> Lihat h. 94.

﴿ وَإِنَّا لَنَا مَا شَاءْ مِنْ فُرْقَةٍ وَمِنْ رِبَّةِ الْحَسَنَى ﴾<sup>71</sup> ditakwilkan dengan peluru berpandu kerana takwil tersebut tidak selari dengan takwil yang diberikan Nabi Muhammad s.a.w. dimana kata tersebut oleh baginda ditakwilkan dengan memanah. Dalam sebuah ḥadithnya Nabi Muhammad s.a.w. bersabda yang bermaksud, “*Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan, ingatlah kekuatan itu ada pada memanah, ingatlah kekuatan itu ada pada memanah, ingatlah kekuatan itu ada pada memanah.*<sup>72</sup>

Takwil-takwil seperti di atas tidaklah melanggar hukum yang ditetapkan oleh al-Qur’ān ataupun hadith Nabi Muhammad s.a.w. Sebagai umat Islam, kita hendaklah meyakini kesyumulan makna yang terkandung di dalam lafaz-lafaz al-Qur’ān dan setiap pentakwilan yang dibuat sememangnya berkait rapat dengan keadaan alam dan manusia pada ketika itu. Kemungkinan juga pentakwilan ﴿ بِأَرْبَعَةِ شَهَادَاتِهِ ﴾ dengan wujudnya empat orang saksi tidak dapat diganti dengan benda lain atau di ganti dengan takwil yang lain. Takwil yang penulis paparkan di atas merupakan gambaran keadaan semasa sewaktu takwil itu dikeluarkan.

---

<sup>71</sup> Al-Qur’ān surah al-Anfāl (8): 60.

<sup>72</sup> Tafsir al-Qurtubī (1993), *op. cit.*, j. 4, h. 24.

Suatu hari Ibn ‘Abbās di tanya oleh seseorang yang merasa bingung sewaktu membaca ﴿وَقُسْطُومُهُمْ إِنَّهُمْ مُسْتَكْرِهُونَ﴾.<sup>73</sup> Dalam surah yang lain Allah s.w.t berfirman ﴿فَلَمْ يَمْنَدْ لَا يُبَشِّرُ عَنْ ذَنْبِهِ إِنْ سُرْ وَلَا حَانَ﴾.<sup>74</sup> Apakah kaitannya kedua-dua ayat tersebut?

Jawab beliau: “ayat tersebut berlaku pada keadaan yang berbeza-beza, pada saat tertentu, tertuduh bertanggung jawab atas perbuatannya maka harus dijatuhkan hukuman kepadanya, setelah selesai menjalani hukuman ianya tidak lagi di seksa dan di qisas.”<sup>75</sup>

Kaitannya ayat tersebut dengan takwil ialah, takwil juga harus difahami terlebih dahulu dengan melihat kepada keadaan sewaktu takwil tersebut dikeluarkan, dan apakah takwil tersebut masih boleh dipakai lagi pada masa sekarang atau tidak. Jika tidak, ia hendaklah mencari pentakwilan atau pemahaman baru agar makna al-Qur’ān yang syumul tersebut terhasil dan sejalan dengan kehidupan. Inilah barangkali maksud “bagi al-Qur’ān itu memiliki *nuzūl* dan *tanazzul*, *nuzūl* al-Qur’ān sudahpun berlalu sedangkan *tanazzul* kekal sampai hari kiamat.”<sup>76</sup>

<sup>73</sup> "Dan hentikanlah mereka (menunggu), kerana sesungguhnya mereka akan disoal: Surah al-Şoffāt (37): 24.

<sup>74</sup> Pada masa itu tiada sesiapapun, sama ada manusia atau jin, yang akan ditanya tentang dosanya (kerana masing-masing dapat dikenal menurut keadaannya). Surah al-Rahman (55): 39.

<sup>75</sup> Muhammad al-Ghazālī (1997), *Kayf Nata’āmal ma’ al-Qur’ān*, c. 5. Al-Manṣūrah: Dār al-wafā’, h. 78.

<sup>76</sup> Al-Zarkasyī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 161.

#### **4.3.2. Membuktikan Kebenaran Dan Kemukjizatan Al-Qur'ān**

Takwil juga dapat membuktikan kemukjizatan al-Qur'ān. Kemukjizatan al-Qur'ān juga boleh difahami melalui takwil. Mentakwil al-Qur'ān tidak hanya melalui bantuan hadith Nabi Muḥammad s.a.w. melalui pendekatan makna setiap lafaz al-Qur'ān dengan syair-syair klasik, melaui pendapat-pendapat ulama dan sebagainya. Akan tetapi takwil juga dapat dikaji dan di fahami melalui teknologi moden meskipun pendekatan pemahaman al-Qur'ān melalui jalur ini mendapat bantahan daripada sesetengah ulama Islam, seperti yang berlaku dalam kitab takwil "al-Jawāhir", karya sayyid Ḥanṭawī al-Jawāhiri. Pada sudut yang lain pula, pendekatan takwil sebegini membantu umat Islam menemukan banyak rahsia kemukjizatan al-Qur'ān yang tidak ditemukan ketika mentakwil melalui lafaz atau hadith Nabi.

Pada hari ini, manusia banyak menemukan silsilah kemukjizatan al-Qur'ān yang mengagumkan sama ada melalui segi susunan balaghah al-Qur'ān, aturan sosial masyarakat, politik, ekonomi, metodologi pendidikan dan akhlak, tentang kewujudan manusia atau juga ilmu tentang alam dan penciptaan makhluk. Allah s.w.t. berfirman:

﴿ وَزَرِّنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبَيَّنًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى ﴾

لِلْمُسْلِمِينَ

Terjemahan:

"Dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan, bagi orang-orang Islam.

Surah al-Nahl (16): 89.

Dalam sebuah hadithnya Nabi Muhammad s.a.w. bersabda.

﴿ كِتَابُ اللَّهِ، فِيهِ نَبَأٌ مَا كَانَ قَبْلَكُمْ، وَعِبْرَةٌ مَا كَانَ بَعْدَكُمْ، وَحُكْمُ مَا بَيْنَكُمْ، هُوَ الْفَصْلُ لَيْسَ بِالْهَزِيلِ، مَنْ تَرَكَهُ مِنْ حَبَارٍ، فَقَصَمَهُ اللَّهُ، وَمَنْ ابْتَئَى الْهُدَىٰ فِي غَيْرِهِ، أَضْلَلَهُ اللَّهُ، وَهُوَ حَبْلُ اللَّهِ الْمُتَّسِينَ، وَهُوَ الذِّكْرُ السَّجِيمُ، وَهُوَ الصَّرْطُ الْمُسْتَقِيمُ، هُوَ الَّذِي لَا تَرْبِيعُ بِهِ الْأَهْوَاءُ، وَلَا تَلِيسُ بِهِ الْأَلْسِنَةُ، وَلَا يَسْعَ مِنْهُ الْعُلَمَاءُ، وَلَا يَحْلُقُ عَلَىٰ كَرَةِ الرَّدَدِ، وَلَا تَنْقَضِي

﴿ عَجَاجِبُهُ ﴾

Maksudnya:

"Di dalam al-Qur'an itu terdapat segala besar berita besar orang sebelum kamu, khabar untuk orang-orang sesudah kamu, hukum untuk orang di antara kamu, ia pemisah antara hak dan batil janganlah ia di persenda-sendakan. Sesiapa yang meninggalkannya maka ia termasuk golongan orang sombong yang akan dibinasakan oleh Allah s.w.t. Barang siapa mencari petunjuk kepada selainnya maka ia akan disesatkan oleh Allah, ia adalah pengikat yang kuat, pengingat yang bijaksana, pemeberi jalan yang lurus, meluruskan orang-orang pengikut hawa nafsu, tidak di cemari ucapan-ucapan kotor, tidak

penuh-penuh (oleh takwil) para ulama, tidak menciptkan banyak kemurtadan dan tidak berakhir keajaibannya.”<sup>77</sup>

Untuk membuktikan kemukjizatan al-Qur’ān tersebut, berikut ini penulis paparkan tentang penciptaan manusia menurut al-Qur’ān. Firman Allah s.w.t.

﴿ هُوَ الَّذِي خَلَقَكُم مِّنْ طِينٍ ثُمَّ قَضَى أَجَلًا ﴾

Terjemahan:

“Dia lah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian Ia tentukan ajal (kematian kamu) dan satu ajal lagi yang tertentu di sisiNya (iaitu masa yang telah ditetapkan untuk dibangkitkan kamu semula pada hari kiamat);”

Surah al-‘Ām (6): 2.

Pada surah yang lain, Allah s.w.t. juga berfirman:

﴿ وَ مِنْ عَبَادِهِ أَنْ خَلَقَكُم مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ إِذَا أَنْتُمْ نُسُمٌ يَسْعِرُ شَرَرُونَ ﴾

Terjemahan:

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya (menghidupkan kamu semula), bahawa Ia menciptakan kamu dari tanah; setelah sempurna sahaja peringkat-peringkat kejadian kamu, kamu menjadi manusia yang hidup bertebaran di muka bumi.”

Surah al-Rūm (30): 20.

<sup>77</sup> Al-Dārimī (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 435.

Dalam surah al-Furqān Allah s.w.t. juga berfirman:

﴿وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنَ السَّمَاءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُ كَسِيرًا وَصَهْرًا﴾

Terjemahan:

“Dan Dia lah Tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan penalian keluarga (persemendaan);”

Surah al-Furqān (25): 54.

Kemudian pada surah al-Mu'minūn Allah s.w.t juga berfirman:

﴿وَلَقَدْ حَلَقَنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِنْ طِينٍ﴾

Terjemahan:

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah;”

Surah al-Mu'minūn (23):12.

وَلَقَدْ حَلَقَنَا

Ayat di atas merupakan sebahagian kecil sahaja yang menceritakan tentang penciptaan manusia. Pada surah al-An'ām dijelaskan bahawa manusia itu pertama kali diciptakan daripada tanah dan dalam surah al-Rūm manusia diciptakan daripada debu. Manakala dalam surah al-Furqān menjelaskan bahawa manusia itu diciptakan daripada air sedangkan dalam surah al-Mu'minūn manusia diciptakan daripada sari pati tanah. Tanah merupakan debu yang dicampur dengan air demikian juga dengan sari pati tanah. Jadi, pada intinya semua kembali kepada unsur tanah.

Pada umumnya para ulama takwil terdahulu mentakwilkan طين dengan tanah tanpa memberikan rahsia disebaliknya, termasuklah Ibn Kathīr, al-Qurṭūbī, al-Alūsī dan lain-lainnya. Takwil yang mereka kemukakan hanyalah bersandarkan kepada lafaz ataupun hadith Nabi Muḥammad s.a.w. sehingga dengan takwil seperti itu amat sukar sekali untuk menemukan kemukjiztan al-Qur'ān. Tentunya penggunaan kata طين yang bermakna tanah mempunyai rahsia di sebalik itu.

Berbeza dengan apa yang dikatakan oleh Syaykh Ṭanṭawī Jawhārī pengarang kitab "al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm". Beliau mengatakan, "bahawa badan manusia itu tersusun daripada banyak anasir termasuklah air, udara dan logam.<sup>78</sup>

Ternyata, di zaman moden ini terbukti kebenaran kalam Allah s.w.t. tersebut. Menurut buku "Ma'a al-Tib fī al-Qur'ān al-Karīm" menyatakan bahawa di dalam tanah itu terdapat ratusan bahkan ribuan anasir,<sup>79</sup> antaranya oksigen,<sup>80</sup> hidrogen,<sup>81</sup> karbon,<sup>82</sup> clorin,<sup>83</sup> sulfur,<sup>84</sup> phosphorous,<sup>85</sup> magnesium,<sup>86</sup> kalsium,<sup>87</sup> pottassium,<sup>88</sup>

سے  
جگہ

<sup>78</sup> Syaykh Ṭanṭawī Jawhārī (1250), *al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*, j. 2, c. 2. Tehran: Intithārāt Aftāb, h. 9.

<sup>79</sup> 'Abd Ḥumayd Diyāb (1984), *Ma'a al-Tib fī al-Qur'ān al-Karīm*, c. 7. Beirut: Mu'asasah 'Ulūm al-Qur'ān, h. 73.

<sup>80</sup> Iaitu sejenis gas yang tidak berwarna dan tidak mempunyai rasa atau bau yang terdapat dalam udara dan mustahak untuk semua bentuk kehidupan. Kamus Dwi Bahasa (1999), *op. cit.*, h. 881.

<sup>81</sup> Iaitu Gasa tanpa warna, bau atau rasa, yang bercampur dengan oksigen untuk menghasilkan air. *Ibid.*, h. 594.

<sup>82</sup> Iaitu unsur bukan logam yang terdapat pada semua kehidupan. *Ibid.*, h. 165.

<sup>83</sup> Iaitu sejenis gas beracun yang berwarna hijau kekuning-kuningan dan berbau busuk. *Ibid.*, h. 188.

<sup>84</sup> Iaitu bahawan berwarna kuning yang terbakar dengan api yang berbahaya dan bau yang kuat. *Ibid.*, h. 125.

<sup>85</sup> Iaitu cahaya berpendar yang mengandungi fosforus. *Ibid.*, h. 909.

sodium,<sup>89</sup> copper,<sup>90</sup> kobalt,<sup>91</sup> aluminium,<sup>92</sup> bromin<sup>93</sup> krom<sup>94</sup> dan banyak lagi. Semua anasir tersebut wujud di dalam tanah meskipun tidak semua anasir-anasir tersebut menjadi ramuan dalam proses pembentukan badan manusia.

Kemukjizatan al-Qur'an juga di temukan dalam mengembalikan cop jari pada ayat berikut ini:

﴿ أَيْحَسِبُ الْأَنْسَانُ أَنْ تَجْمَعَ عِظَامَهُ، بَلَىٰ قَادِرِينَ عَلَىٰ أَنْ تُسَوِّيَّ بَنَائَهُ ﴾

Terjemahan:

"Patutkah manusia (yang kafir) menyangka bahawa Kami tidak akan dapat mengumpulkan tulang-tulangnya (dan menghidupkannya semula)? Bukan sebagaimana yang disangka itu, bahkan Kami berkuasa menyusun (dengan sempurnanya segala tulang) jarinya, (tulang yang lebih halus dari yang lain)."

Surah al-Qiyāmah (75): 3-4.

---

<sup>86</sup> Iaitu sejenis logam yang berwarna seperti perak yang digunakan dalam membuat aluminium, aloi dan lain-lain. *Ibid.*, h. 753.

<sup>87</sup> Iaitu sejenis logam yang lembut dan berwarna putih terdapat dalam tulang dan gigi. *Ibid.*, h. 158.

<sup>88</sup> Iaitu sejenis unsur logam yang putih (berkilau) dan lembut, penting untuk semua benda bernyawa terdapat dalam bentuk logam mineral dan dalam batu-batuhan. *Ibid.*, h. 937.

<sup>89</sup> Iaitu logam berwarna perak yang hanya terdapat dalam sebatian. *Ibid.*, h. 1187.

<sup>90</sup> Iaitu sejenis logam berwarna merah dan digunakan untuk membuat dwai (periuk dan lain-lain). *Ibid.*, h. 269.

<sup>91</sup> Iaitu sejenis logam yang keras dan berwarna perak digunakan dalam aloi. *Ibid.*, h. 210.

<sup>92</sup> Iaitu sejenis logam putih dan ringan (digunakan untuk membuat kapal udara, periuk dan lain-lain). *Ibid.*, h. 41.

<sup>93</sup> Iaitu unsur bukan logam digunakan dalam perubatan dan seni foto. *Ibid.*, h. 141.

<sup>94</sup> Iaitu bahanan pewarna didapati dari garam krom, digunakan di dalam cat, getah dan lain-lain. *Ibid.*, h. 190.

Ayat di atas turun kepada ‘Uddā bin Rabi’ah<sup>95</sup> yang menolak bahawa Allah s.w.t. mampu membangkitkan manusia kembali setelah badan dan tulang-tulangnya hancur luluh menjadi tanah. Allah s.w.t bukan sahaja mampu menyusun kembali tulang-tulang manusia yang telah hancur dan mengembalikan manusia seperti sediakala, tetapi Allah juga mampu mengembalikan cap jari daripadanya. Apa hikmahnya Allah s.w.t. mengkhususkan kepada cap jari bukan kepada anggota tubuh manusia yang lain.

Para ulama salaf ataupun kholaf mentakwilkan ﴿٤﴾ dengan hujung daripada jari-jari<sup>96</sup> sahaja tanpa memberikan huraihan atau rahsia disebalik penyebutan perkataan ﴿٤﴾ tersebut. Tentulah disana ada kemukjizatan yang tersendiri, mengapa Allah s.w.t. mengkhususkan kepada perkataan tersebut.

Rahsia atau mukjizat al-Qur’ān tersebut baru terbukti pada akhir dekad ke 19 M, apabila cap jari seseorang antara satu dengan yang lain berbeza meskipun dalam satu keluarga kerana setiap orang dimuka bumi ini mempunyai garis-garis pada setiap jari yang berbeza antara satu dengan yang lain.”<sup>97</sup>

Melalui penemuan tersebut, banyak kes-kes Mahkamah dapat diselesaikan seperti kes pembunuhan, perompakan, rogol dan sebagainya. Bahkan penemuan

<sup>95</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1998), *op. cit.*, j. 29, h. 253.

<sup>96</sup> Sayyid Qutub (1971), *Fī Zilāl al-Qur’ān*, j. 8, c. 7. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arābi, h. 380.

<sup>97</sup> Tantawī Jawharī (1350), *op. cit.*, j. 12, h. 318.

rahsia cap jari tersebut, membawa keinsafan kepada seseorang untuk memeluk agama Islam. Dalam satu seminar yang diadakan di negara Mesir, Maḥmūd Bek ada mengatakan, “beberapa tahun yang lalu ada seorang cendikiawan Jerman telah memeluk agama Islam.” Maḥmūd Bek bertanya kepadanya, “kenapa anda memeluk agama Islam”? Jawab beliau, “kerana ayat ﴿لَئِنْ فَادْرِيْنَ عَلَى أَنْ تُسْرِيْ بَشَّارَ﴾ kerana cap jari tidak diketahui oleh orang Eropah kalau bukan dari orang Arab pada zaman ini tentulah ini kalam Allah dan bukan kalam manusia.”<sup>98</sup>

Oleh kerana itu, penyebutan perkataan ﴿كَلِمَاتٍ﴾ ataupun perkataan ﴿طَبِيعَاتٍ﴾ dalam ayat di atas mengandungi mukjizat dan hikmah yang sangat besar dalam kehidupan manusia dimuka bumi ini sekaligus sebagai mukjizat dan bukti atas kebenaran al-Qur’ān itu sendiri.

#### **4.3.3. Memudahkan Umat Islam Dalam Memahami Syariat Allah s.w.t**

Al-Qur’ān merupakan sumber pertama syariat Allah s.w.t. Syariat akan difahami apabila umat Islam dapat memahami isi kandungan al-Qur’ān terlebih dahulu. Dengan kata lain, syariat tidak dapat dilaksanakan apabila al-Qur’ān sebagai sumber utama untuknya tidak dapat difahami dengan baik disebabkan terdapat lafaz-lafaz yang belum jelas yang memerlukan pentakwilan.

---

<sup>98</sup> *Ibid.*

Menurut Imam al-Zarkasyi,<sup>99</sup> al-Qur'ān itu terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, lafaznya yang jelas, ertiinya lafaz tersebut tidak memerlukan penjelasan sama ada penjelasan yang diperoleh dari diri lafaz itu sendiri atau daripada lafaz lain seperti perkataan <sup>100</sup> ﴿إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ﴾ dan perkataan <sup>101</sup> ﴿أَكْثَرُهُنَّ الظَّابِطُونَ﴾ Pada ayat pertama bermakna "(Mereka itu ialah): orang-orang yang bertaubat, yang beribadat," dan pada ayat ke dua bererti, "Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam." Kedua ayat tersebut sudahpun jelas maksudnya sehingga ayat tersebut tidak lagi memerlukan kepada takwil.

Kedua, lafaznya yang tidak jelas sehingga memerlukan kepada penjelasan di mana penjelasan tersebut boleh diperolehi sama ada daripada ayat-ayat lain ataupun hadith Nabi. Bahagian kedua ini, kebanyakannya terdapat pada ayat-ayat hukum seperti hukum bersuci, hukum solat, zakat, puasa, haji, muamalah, nikah, jinayah dan lain-lainnya. Sebagai contoh ayat yang berkaitan dengan kewajipan zakat dalam firman Allah s.w.t yang berbunyi.

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَأَنْهَلَ وَالرُّزْعَ  
مُخْتَلِفًا أَكْلُهُ وَالرُّبْيُونَ وَالرُّمَانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ كُلُّوا مِنْ تَسْمِرهِ إِذَا  
أَتَمْ رَوْعًا ثُمَّا حَقَّةً يَوْمَ حَصَادِهِ

<sup>99</sup> Al-Zarkasyi (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 183.

<sup>100</sup> Al-Qur'ān surah al-Taubah (9):112.

<sup>101</sup> Al-Qur'ān surah al-Ahzāb (33): 35.

Terjemahan:

*'Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya;'*

Surah al-An'ām (6): 141.

Ayat di atas mengandungi suruhan kewajipan zakat tetapi tidak memberikan penjelasan bagaimana cara memberikan zakat tersebut, tentang nisab, kadar, ukuran, syarat, keadaan yang bagaimana zakat itu harus dikeluarkan, kepada siapa zakat tersebut diberikan, siapa yang berhak dan yang tidak berhak menerima zakat dan sebagainya.

Ayat tentang kewajipan berzakat tersebut hendaklah di takwil bagi memudahkan umat Islam melaksanakannya dengan penuh keyakinan, apakah perintah tersebut hanya dikenakan kepada orang kaya sahaja ataupun orang miskin dan sebagainya.

Demikian juga dengan perintah solat, al-Qur'an tidak memberikan penjelasan secara terperinci bilangan rakaat solat Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh. Begitu juga dengan waktu-waktu pelaksanaannya, syarat-syarat yang harus dilakukan

sebelum solat, perkara-perkara yang membatalkan solat dan sebagainya. Sama halnya dengan perintah pelaksanaan haji, kewajipan puasa serta hukum-hukum yang lain.

#### 4.3.4. Memperkaya Makna Setiap Lafaz Dalam al-Qur'ān

Abū Dardā' ada mengatakan, “ seseorang tidak dianggap ahli *fiqh* sekiranya tidak mampu mempelbagaikan makna dalam al-Qur'ān”.<sup>102</sup> Salah satu cara untuk melahirkan banyak makna adalah melalui ijtihad. Ijtihad berlaku apabila ulama tidak menemukan lagi takwil daripada al-Qur'ān, al-ḥadīth atau pendapat para ulama. Ijtihad banyak membantu dalam menyelesaikan masalah-masalah yang wujud di dalam ajaran Islam dan dengan ijtihad juga makna-makna al-Qur'ān terus berkembang dan bertambah dari masa ke semasa. Inilah yang dimaksudkan dengan *tanazzul* al-Qur'ān yang akan abadi sampai ke hari kiamat.

Contohnya perkataan حَنْجَنْ, perkataaan tersebut berasal daripada kata حَنْجَنْ yang bermaksudkan menutupi sesuatu daripada panca indera.<sup>103</sup> Makna tersebut diperolehi daripada kisah Nabi Ibrāhīm a.s. pada ayat yang berbunyi:

﴿فَلَمَّا حَنَّ عَلَيْهِ أَيْلُرْ رَعَا كَوْكَبًا﴾

<sup>102</sup> Al-Zarkasyī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 54.

<sup>103</sup> Al-Rāghib al-Isbahānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 128.

Terjemahan:

"Maka ketika ia berada pada waktu malam yang gelap, ia melihat sebuah bintang (bersinar-sinar)."

Surah al-An'ām (6): 76.

Perkataan ﷺ maksudnya malam menjadi gelap menutupi Nabi Ibrāhīm a.s., termasuklah didalamnya kata حَسْنَةٌ (syurga), حَسْنَةٌ (jin), حَسْنَةٌ (tabir), حَسْنَةٌ (janin), semua perkataan tersebut bermaksud menutupi.<sup>104</sup>

Pada zaman moden sekarang ini, berkat bantuan mikroskop manusia mampu melihat kuman-kuman yang amat kecil ukurannya yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Kuman, boleh juga sebahagian daripada jin,<sup>105</sup> malah penamaan jin dengan kuman tidak bertentangan dengan makna asal perkataan jin secara bahasa. Menurut para ulama salaf, keperbagaian makna tersebut diistilahkan dengan "ikhtilaf al-tanawwu", (perbezaan keperbagaian).<sup>106</sup>

Keperbagaian makna juga terjadi di zaman sahabat r.a. ataupun tabi'in. Imam Mujāhid, al-Rabi', Qatādah, Dāḥḥāk, 'Umar bin Dīnār, Ibn 'Abbās, 'Umar bin al-Khaṭṭāb mentakwilkan perkataan فُرُجٌ dengan haid.<sup>107</sup> Sementara sayyidah 'Ā'isah

<sup>104</sup> Tafsir Al-Qurtubī (1993), *op. cit.*, j. 4, h. 18.

<sup>105</sup> Husayn al-Dhahabī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 628.

<sup>106</sup> Ibn Taymiyah (1988), *op. cit.*, h. 67.

<sup>107</sup> Tafsir al-Tabarī (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 596.

dan Zayb bin Thābit mentakwilkan perkataan tersebut dengan suci.<sup>108</sup> Demikian juga dengan perkataan ﴿لَّا تَمْكِنُ لِلّهِ الْأَعْلَم﴾.<sup>109</sup> Sa'īd bin Jubayr, Ibn 'Abbās dan 'Ubayd bin 'Umar mentakwilkannya dengan jimak.<sup>110</sup> Sedangkan 'Abd Allah bin 'Umar dan 'Abd Allah bin Mas'ūd mentakwilkannya dengan ciuman.<sup>111</sup>

Demikianlah lafaz-lafaz al-Qur'ān akan terus berkembang dengan adanya takwil dan disebabkan kesyumulan lafaz-lafaz al-Qur'ān itu sendiri. Makna-makna baru setiap lafaz daripada al-Qur'ān akan terus bermunculan, kerana lafaz-lafaz al-Qur'ān sebagaimana kata Ibn Abī Dunyā, "bagaikan lautan yang tak bertepi".<sup>112</sup>

---

<sup>108</sup> *Ibid.*, h. 600.

<sup>109</sup> Surah al-Nisā' (4): 43.

<sup>110</sup> Tafsir al-Ṭabarī (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 142.

<sup>111</sup> *Ibid.*, h. 145.

<sup>112</sup> Al-Suyūṭī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 188.